

ALAT-ALAT PERTUKANGAN TRADISIONAL MELAYU


Dr. Zulkifli Bin Hanafi



Penerbit
Amber-Solara Publication

ALAT-ALAT PERTUKANGAN TRADISIONAL MELAYU

Profesor Madya Dr.Zulkifli Bin Hanafi
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang



Penyunting
Dr. A. Ghafar Ahmad
Siti Noraini Jupri

PUSTAKA PERDANA



1005159

Alat-alat Pertukangan Tradisional Melayu

Oleh: Dr. Zulkifli Bin Hanafi

Kandungan.....	1
Penghargaan.....	2
Prakata.....	5
Pendahuluan.....	7
1.0 Pengenalan.....	10
2.0 Tukang Rumah.....	18
3.0 Sistem Ukuran.....	24
4.0 Alat Mengukur dan Menanda.....	30
5.0 Alat Memotong.....	43
6.0 Alat Membelah.....	51
7.0 Alat Mengetam.....	55
8.0 Alat Penebuk.....	88
9.0 Alat Memasang.....	99
10.0 Alat Mengukir.....	101
11.0 Alat Sampingan.....	115
Penutup.....	117
Glosari.....	120
Bibliografi.....	125

Prakata

Bangunan tradisional seperti rumah kediaman, istana-istana kesultanan Melayu, masjid, balai dan wakaf yang dibina daripada bahan kayu merupakan bangunan yang indah dan unik di rantau ini. Rekabentuk bangunan-bangunan ini bukan sahaja memenuhi fungsi tetapi mengambil kira pelbagai aspek persekitaran seperti bahan, iklim, kebudayaan dan teknologi setempat.

Bangunan tradisional dibina menggunakan alat-alat yang terhad tetapi telah berjaya menghasilkan mutu seni bina yang tinggi nilainya. Kejayaan itu juga berhubung kait dengan kemahiran tukang-tukang rumah yang mengoptimisasikan bahan, peralatan dan teknik pembinaan dengan berkesan sekali.

Antara beberapa alat pertukangan yang penting dan sering digunakan dalam

pembinaan bangunan tradisional dibincangkan di dalam buku ini. Selain itu lakaran dan gambar yang terpilih juga dimuatkan untuk menjelaskan alat-alat pertukangan dan kegunaannya dengan lebih berkesan.

Nama alat pertukangan yang digunakan dalam pembinaan bangunan mungkin berbeza sedikit dari satu daerah dengan daerah yang lain. Istilah yang digunakan di pelbagai daerah diletakkan di bawah setiap penjelasan alat-alat dengan nama mengikut sebutan daerah tersebut.

Usaha untuk mengumpulkan berbagai-bagai alat tradisional sememangnya sukar dilakukan kerana bukan saja maklumat tersebut terhad dan susah diperolehi malah ia juga memerlukan masa yang lama dan memerlukan pengembaraan ke merata tempat di Malaysia untuk mendapatkan maklumat. Usaha ini sudah tentu menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan.

Syukurlah penulis telah berjaya menghadapi rintangan tersebut dan hasilnya adalah sebuah buku yang tidak terhingga nilainya kepada masyarakat. Buku ini bukan saja dapat 'membuka mata' tetapi membantu kita untuk memahami seni bina Melayu dengan lebih dalam lagi.

Semoga buku ini berguna kepada semua pelajar khususnya dalam bidang alam bina, pengusaha dan peminat seni tanah air umumnya.

Yang benar



PROFESOR HASSAN SAID
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik)
Universiti Sains Malaysia